

Kesihatan

A-Plus Health360-i

Health  
Rewards  
dengan

AIA Vitality

# Rakan Kesihatan 360° Anda, Lebih Daripada Sekadar Perlindungan



**AIA PUBLIC  
TAKAFUL**

Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil takaful / produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Mempunyai perlindungan perubatan adalah penting bagi melindungi diri anda dan yang tersayang, memberikan ketenangan fikiran serta perlindungan kewangan apabila berdepan cabaran berkaitan kesihatan. Namun, perlindungan yang sebenar bermula dengan tubuh yang sihat dan minda yang seimbang. Gabungan gaya hidup sihat, penjagaan pencegahan dan kesejahteraan mental dapat membantu melindungi diri daripada risiko pelbagai penyakit. Dengan mengutamakan kesihatan dan mempunyai perlindungan perubatan sebagai sokongan, anda dapat menikmati kehidupan dengan lebih seimbang dan bermakna.

A-Plus Health360-i bukan sekadar menyediakan sokongan kewangan malah menggalakkan pendekatan proaktif terhadap kesihatan. Ia menawarkan faedah yang direka untuk penjagaan menyeluruh pada setiap peringkat, bermula daripada penjagaan pencegahan dan rawatan asas, sehinggalah rawatan dan pemulihan demi kesejahteraan menyeluruh. Ini membolehkan anda fokus membina tubuh dan minda yang lebih sihat dengan keyakinan bahawa anda dilindungi secara menyeluruh sepanjang perjalanan kesihatan anda.



## BAGAIMANAKAH A-PLUS HEALTH360-i MEMBANTU ANDA?



### NO-CLAIM BONUS

sebagai ganjaran kerana anda kekal sihat dan tidak membuat sebarang tuntutan

Sehingga **RM2,500** akan dikreditkan ke dalam Health Wallet anda pada setiap akhir tahun jika tiada tuntutan dibuat pada tahun sebelumnya, sehingga **maksimum 10 kali**. Anda boleh menggunakan jumlah terkumpul dalam Health Wallet untuk faedah-faedah tambahan di bawah pelan ini!



### AKSES AWAL KEPADA PENJAGAAN KESIHATAN PRIMER

melalui Health Wallet

Anda boleh menggunakan sehingga **RM50** bagi setiap lawatan klinik pengamal perubatan **am**, sehingga 3 kali setahun, daripada Health Wallet untuk menampung kos konsultasi, rawatan dan ubat-ubatan.



### FAEDAH PENJAGAAN HOSPITALISASI

sebagai sokongan kewangan tambahan apabila anda dimasukkan ke hospital

Anda boleh mendapatkan sehingga **RM1,000** bagi membantu anda menampung kos kemasukan ke **Hospital Panel SMART<sup>1</sup>**, dan sehingga **RM500** bagi kemasukan ke Hospital Panel AIA yang lain.



### PERLINDUNGAN SEIRING KEPERLUAN ANDA

bagi memastikan perlindungan perubatan yang mencukupi dan berterusan

Nikmati perlindungan perubatan tahunan sehingga **RM3 juta** dengan tiada had seumur hidup.



**Bonus Persaraan Sihat** yang anda boleh pindahkan daripada Health Wallet ke dalam nilai akaun<sup>2</sup> anda bermula pada umur 60 tahun dan ke atas bagi membantu menyokong perlindungan perubatan anda pada tahun-tahun seterusnya.

<sup>1</sup> Setakat 1 Jun 2026. Sila rujuk AIA Panel Locator | AIA Malaysia untuk maklumat lanjut mengenai senarai penyedia Panel AIA.

<sup>2</sup> Faedah Bonus Persaraan Sihat hanya terpakai kepada ahli AIA Vitality, di mana jumlah faedah tersebut boleh dipindahkan daripada Health Wallet ke dalam Dana Akaun Peserta.

## A PLUS HEALTH360-i: REKA BENTUK PELAN YANG LEBIH RINGKAS MENAWARKAN PERLINDUNGAN MENYELURUH MENGIKUT KEPERLUAN ANDA



Pelan perubatan ini menawarkan dua pilihan pelan dengan kadar bilik dan penginapan serta had tahunan yang berbeza, lengkap dengan pilihan penjimatan kos yang boleh dipilih mengikut kemampuan anda.

### Pelan 200

Menanggung kos bilik dan penginapan sehingga **RM200** sehari.

Pelan ini menyediakan perlindungan perubatan menyeluruh sehingga **RM1,500,000** setiap tahun.

### Pelan 300

Menanggung kos bilik dan penginapan sehingga **RM300** sehari.

Pelan ini menyediakan perlindungan perubatan menyeluruh sehingga **RM3,000,000** setiap tahun.



### Pilihan Penjimatan Kos

Deduktibel: Jumlah yang perlu anda bayar dahulu sebelum perlindungan pelan perubatan bermula.

#### Deduktibel RM500



Pilihan ideal bagi pelanggan yang mengutamakan perlindungan perubatan menyeluruh.

#### Deduktibel RM500 dengan SMART Option



Pilih pilihan ini jika anda ingin perlindungan yang lengkap dengan caruman yang lebih mampu milik dan anda bersedia untuk mengikuti Perjalanan SMART.

# KENAPA PILIH SMART OPTION?

- ✓ Memastikan anda menerima rawatan yang sepatutnya, menjimatkan masa dan wang
- ✓ Penjimatan lebih banyak dengan SMART Option, nikmati diskaun sekurang-kurangnya 20% ke atas caruman\* anda

## PERJALANAN SMART



### KLINIK SMART

Dapatkan pemeriksaan oleh **Pengamal Perubatan Am SMART**.  
Anda akan dirujuk kepada **Doktor Pakar SMART** jika anda memerlukan pemeriksaan selanjutnya.



### DOKTOR PAKAR SMART

**Doktor Pakar SMART** akan menyarankan kemasukan ke **Hospital SMART**, jika perlu.



### HOSPITAL SMART

Kemasukan ke **Hospital SMART** adalah berdasarkan nasihat dan saranan dari **Doktor Pakar SMART**.



### RAWATAN SUSULAN DI HOSPITAL SMART

Terima rawatan susulan di **Hospital SMART**, jika perlu.

Apabila anda mengikuti **Perjalanan SMART** untuk penghospitalan anda (**Klinik SMART > Doktor Pakar SMART > Hospital SMART**);

#### Nota:

- Deduktibel RM500 ditambah 20% Ko-Takaful bagi setiap tahun sijil, sehingga RM20,000 akan terpakai jika anda:
  - melawat / dimasukkan ke Hospital SMART tanpa rujukan dari Klinik dan/atau tiada rundingan dengan Doktor Pakar, kecuali untuk rawatan kecemasan; atau
  - menerima rawatan bukan daripada pengamal perubatan atau penyedia SMART.
- Sekiranya kemasukan ke hospital tidak diperlukan, lawatan Klinik dan/atau lawatan Pakar yang terdahulu tidak akan dilindungi di bawah pelan ini. Walau bagaimanapun, melalui faedah Penjagaan Primer di bawah perlindungan Health Wallet, anda boleh menggunakan sehingga RM50 daripada Health Wallet anda bagi setiap lawatan Klinik, tertakluk kepada maksimum 3 lawatan setahun dan bergantung kepada baki yang tersedia dalam Health Wallet anda.

Untuk senarai hospital panel/penyedia perubatan terkini (termasuk panel penyedia SMART dan pengamal perubatan SMART), sila rujuk kepada pencari panel terkini tersedia di laman web AIA / portal pelanggan untuk maklumat lanjut.


\*Berbanding dengan caruman untuk Deduktibel RM500 bagi setiap tahun sijil.

## YA

Anda hanya perlu membayar **Deduktibel RM500** bagi setiap tahun sijil.

## TIDAK

Anda perlu membayar **Deduktibel RM500** + **20% Ko-Takaful**, terhadap **RM20,000** bagi setiap tahun sijil.

**SILA KLIK DI SINI**  untuk maklumat lanjut tentang SMART Option.

## A-PLUS HEALTH360-i MENYOKONG ANDA PADA SETIAP PERINGKAT PERJALANAN KESIHATAN ANDA

A-Plus Health360-i menawarkan lebih daripada perlindungan perubatan komprehensif. Sama ada anda ingin kekal sihat atau mendapatkan rawatan perubatan, ia adalah penyelesaian kesihatan holistik yang sentiasa bersama di setiap peringkat perjalanan kesihatan anda.

AIA Vitality

Dengan AIA Vitality, anda berpeluang menikmati ganjaran tambahan apabila anda mengamalkan gaya hidup sihat!

Dapatkan ganjaran dan perlindungan melalui **Health Wallet**

### Ganjaran

- No Claim Bonus
- Booster Health Wallet
- Bonus Persaraan Sihat

Eksklusif untuk  
AIA Vitality

### Perlindungan

- Pemeriksaan Kesihatan
- Vaksinasi
- Pengamal Perubatan Am/ Teleperubatan

### TAHUKAH ANDA?

AIA PUBLIC Takaful mengangkat dan menghayati semangat Berkat Sama-Sama. Apabila anda **kekal sihat**, lebih mungkin akan terhasil daripada pelan takaful anda. Anda kemudiannya boleh memilih untuk menyumbangkan lebihan ini kepada **Tabung Amal AIA Penyala Harapan**, sekali gus menyebarkan semangat saling membantu bagi menyokong golongan yang memerlukan serta mewujudkan impak positif yang lebih besar kepada komuniti.

KEKAL SIHAT

A-PLUS  
HEALTH360-i

DAPATKAN  
RAWATAN

PROSES  
PEMULIHAN

Naik Taraf **Bilik dan Penginapan Hospital**

Penjagaan Hospitalisasi

Perkhidmatan Sokongan di Hospital Panel SMART

Eksklusif untuk  
AIA Vitality

Bonus Panel Pilihan melalui Health Wallet

Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM)

## APAKAH ITU HEALTH WALLET?



Sebagai sebahagian daripada A-Plus Health360-i, Health Wallet berfungsi sebagai sokongan tambahan untuk keperluan kesihatan anda. Ia diisi secara automatik apabila kriteria tertentu dipenuhi, tanpa memerlukan sebarang wang tambahan daripada anda. Anda boleh menggunakan amaun di dalam Health Wallet bagi melengkapkan perjalanan penjagaan kesihatan anda melalui faedah-faedah yang tersenarai di bawah.

### Bagaimana anda boleh mengumpul Health Wallet?



#### No-Claim Bonus

Sehingga RM2,500 akan dikreditkan ke dalam Health Wallet anda pada setiap tahun sekiranya tiada tuntutan dibuat, sehingga maksimum 10 kali.



#### Bonus Panel Pilihan

Sehingga RM1,000 akan dikreditkan ke dalam Health Wallet anda pada setiap tahun sekiranya anda mendapatkan rawatan di Hospital Panel SMART, sehingga maksimum 10 kali.



#### Booster Health Wallet

✓ Eksklusif untuk ahli AIA Vitality

Sertai AIA Vitality dan nikmati amaun tambahan Health Wallet berdasarkan Status AIA Vitality anda. Lebih tinggi Status AIA Vitality anda, lebih tinggi nilai Booster Health Wallet anda.

### Bagaimanakah Health Wallet boleh digunakan?



#### FAEDAH PENCEGAHAN DAN PENJAGAAN PRIMER

(Terhad kepada Pelan 300 sahaja)



Nikmati faedah sehingga RM1,000 bagi setiap dua tahun untuk pemeriksaan kesihatan, vaksinasi serta lawatan ke klinik pengamal perubatan am (GP), termasuk teleperubatan. Lawatan ke klinik pengamal perubatan am (GP) adalah terhad kepada RM50 bagi setiap lawatan, dengan maksimum 3 lawatan setiap tahun.



#### BONUS PERSARAAN SIHAT

(Terhad kepada Pelan 300 sahaja)

Eksklusif untuk ahli AIA Vitality



Pindahkan sehingga RM1,000 daripada Health Wallet ke dalam Dana Akaun Peserta apabila anda mencapai umur 60 tahun atau pada tahun ke 10 sijil, yang mana lebih kemudian.



#### PENJAGAAN PEMULIHAN



Perlindungan pemulihan jangka panjang untuk kanser, strok dan serangan jantung dari peringkat awal diagnosis.



#### FAEDAH PENJAGAAN KHAS



Merangkumi perlindungan untuk keadaan kongenital dan pembedahan elektif / rekonstruktif / kosmetik akibat kemalangan atau kanser.



#### SOKONGAN MOBILITI DAN PENDENGARAN



Perlindungan kos bagi anggota badan palsu serta alat bantuan pendengaran.



#### FAEDAH PENJAGAAN KESIHATAN MENTAL



Faedah sehingga RM1,500 setahun bagi konsultasi dengan pakar psikiatri untuk Gangguan Depresi Major, Gangguan Obsesif Kompulsif, Skizofrenia, Gangguan Bipolar, Sindrom Tourette serta Depresi Selepas Bersalin.



#### PROTECT BOOST



Perlindungan tambahan melebihi had tahunan atau perlindungan hayat tambahan.





## DAPATKAN LEBIH GANJARAN DENGAN GAYA HIDUP SIHAT BERSAMA AIA VITALITY - HEALTH REWARDS

Sertai AIA Vitality<sup>3</sup> untuk menikmati Health Rewards tambahan tanpa bayaran tambahan.



Setiap langkah anda ke arah kehidupan yang lebih sihat membolehkan anda memperoleh Mata AIA Vitality. Peningkatan mata akan menaikkan Status AIA Vitality anda, sekali gus membuka akses kepada ganjaran yang lebih menarik. Health Rewards yang boleh dinikmati oleh anda atau anak-anak anda termasuk:



	Gangsa	Perak	Emas	Platinum
 <p><b>Faedah Penjagaan Hospitalisasi</b> (apabila dimasukkan ke hospital, dibayar sekali sahaja bagi setiap tahun)</p>				
<b>Hospital Panel SMART</b>	Tiada	RM150	RM500	RM1,000
<b>Hospital Lain</b>	Tiada	Tiada	RM250	RM500
 <p><b>Bonus Persaraan Sihat<sup>4</sup></b> (pada umur 60 tahun atau tahun ke-10 sijil, yang mana lebih kemudian)</p>	Tiada	RM500 setahun	RM800 setahun	RM1,000 setahun
 <p><b>Naik Taraf Bilik dan Penginapan Hospital</b> (apabila dimasukkan ke hospital)</p>	Tiada	Tiada	+50% bagi Had Harian Bilik dan Penginapan	+100% bagi Had Harian Bilik dan Penginapan
 <p><b>Booster Health Wallet</b> (pada setiap ulang tahun sijil)</p>	Tiada	Tiada	+5% daripada jumlah keseluruhan Health Wallet setiap akhir tahun	+10% daripada jumlah keseluruhan Health Wallet setiap akhir tahun

<sup>3</sup> Pendaftaran keahlian AIA Vitality terbuka kepada semua pelanggan dengan yuran RM10 sebulan. Sekiranya Orang Dilindungi berumur di bawah 16 tahun, faedah akan ditentukan berdasarkan status AIA Vitality Peserta.

<sup>4</sup> Bonus Persaraan Sihat hanya terpakai untuk Pelan 300 sahaja.

## BAGAIMANA PELAN INI BERFUNGSI?



Encik Arif, seorang lelaki berumur 30 tahun dan bukan perokok, telah menyertai plan A-Life Idaman serta menambah perlindungan A-Plus Health360-i. Beliau juga mendaftar untuk AIA Vitality sebagai motivasi diri untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat dan mengekalkan kesihatan yang baik. Di bawah adalah ringkasan plan perlindungan beliau.

**Perlindungan A-Life Idaman** : RM30,000  
**Pelan Perubatan** : A-Plus Health360-i Pelan 300  
**Pilihan Penjimatan Kos Caruman<sup>5</sup>** : Deduktibel RM500 dengan SMART Option : RM239.73 sebulan



Dengan mengamalkan gaya hidup sihat, beliau tidak membuat sebarang tuntutan perubatan. Sebagai ganjaran, sebanyak **RM2,500** dikreditkan ke dalam Health Wallet beliau bagi tahun tersebut.



Pada tahun yang sama, beliau turut mencapai Status AIA Vitality Emas. Sebagai ganjaran tambahan melalui Booster Health Wallet, beliau menerima **tambahan 5%** bersamaan RM125, sekali gus meningkatkan jumlah Health Wallet beliau.



Bagi memastikan kesihatan sentiasa terjaga dan mengelakkan masalah kesihatan yang serius, beliau menggunakan Health Wallet untuk membayar **kos pemeriksaan kesihatan, vaksinasi dan rawatan penjagaan primer.**

Pada suatu hari, beliau mengalami sakit perut yang berterusan serta demam, lalu mengunjungi Klinik Panel SMART untuk menjalani pemeriksaan. Selepas pemeriksaan dilakukan, doktor mengesyaki beliau menghidap apendisitis dan merujuknya kepada pakar. Susulan ujian lanjut, beliau kemudiannya dimasukkan ke Hospital Panel SMART untuk rawatan.



Pada usia 60 tahun, beliau memilih untuk memperuntukkan Health Wallet bagi meningkatkan nilai akaunnya untuk memastikan perlindungan berterusan selepas umur persaraan. Memandangkan beliau terus mencapai Status AIA Vitality Emas, beliau layak mengeluarkan sebanyak RM800 daripada Health Wallet dan memindahkannya ke dalam Dana Akaun Peserta beliau.



**Beliau pulih dengan baik dan meneruskan gaya hidup yang sihat.**



Sebagai ahli AIA Vitality dengan Status Emas, apabila dimasukkan ke Hospital Panel SMART, beliau layak untuk menerima:

- Faedah Penjagaan Hospitalisasi sebanyak **RM500**; dan
- Naik taraf faedah Bilik & Penginapan Hospital kepada RM450 sehari (**tambahan 50%** daripada had harian asal faedah Bilik & Penginapan Hospital).

\*Sekiranya Encik Arif tidak mengikuti Perjalanan SMART, beliau perlu membayar **RM500** yang pertama serta **tambahan 20%** daripada jumlah bil perubatan yang ditanggung, sehingga maksimum RM20,000. Baki bil perubatan selebihnya akan ditanggung di bawah plan A-Plus Health360-i, tertakluk kepada had tahunan plan beliau.




Oleh kerana Encik Arif mengikuti Perjalanan SMART, beliau hanya perlu membayar **RM500\*** daripada jumlah bil perubatan yang ditanggung (kos kemasukan ke hospital dan selepas kemasukan). Selebihnya bil perubatan akan ditanggung di bawah plan A-Plus Health360-i, tertakluk kepada had tahunan plan beliau.


<sup>5</sup> Caruman termasuk perlindungan asas A-Life Idaman dengan Jumlah Perlindungan Asas RM30,000 serta plan perubatan yang dipilih.

## SEKILAS PANDANG FAEDAH A-PLUS HEALTH360-i:

Faedah	Pelan 200	Pelan 300
<b>Had Tahunan</b> (terpakai untuk perkara 1 hingga perkara 13)	RM1,500,000	RM3,000,000
<b>Had Seumur Hidup</b>	Tiada Had	
<b>Pilihan Penjimatan Kos*</b> (terpakai untuk perkara 1 hingga 8)	(a) Deduktibel RM500 bagi setiap tahun sijil; atau (b) Deduktibel RM500 dengan SMART Option bagi setiap tahun sijil.	
<b>Ko-Takaful*</b> (terpakai untuk perkara 9 dan 10)	5% Ko-Takaful bagi setiap tahun sijil, sehingga RM500	
<b>Pengurusan Kes Perubatan Peribadi</b>	Ya	
<b>Penjagaan Pesakit Dalam</b>		
<b>1. Faedah Bilik dan Penginapan Hospital</b> (Tiada had bilangan hari bagi setiap tahun)	RM200	RM300
✓ <b>Naik Taraf Bilik dan Penginapan Hospital melalui AIA Vitality:</b>	RM300 (Emas)	RM450 (Emas)
	RM400 (Platinum)	RM600 (Platinum)
<b>2. Faedah Unit Rawatan Rapi</b> (Tiada had bilangan hari bagi setiap tahun)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>3. Yuran-yuran Dalam Hospital Yang Berkaitan</b> i. Bekalan dan Perkhidmatan Hospital ii. Bayaran Pembedahan iii. Bayaran Bilik Pembedahan iv. Bayaran Pakar Bius v. Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum 2 lawatan sehari bagi setiap Pakar Perubatan) vi. Faedah Penjaga Harian untuk pesakit kanak-kanak dan warga emas (sehingga bilangan hari maksimum Faedah Bilik & Penginapan Hospital)	✓ <b>Penjagaan Hospitalisasi melalui AIA Vitality:</b> Hospital Panel SMART –	
	RM150 (Perak)	RM500 (Emas)
	RM1,000 (Platinum)	
	Hospital Lain –	
	RM250 (Emas)	RM500 (Platinum)
<b>4. Faedah Komplikasi Kehamilan Tertentu</b>	Tidak berkenaan	Sehingga RM10,000 seumur hidup

Faedah	Pelan 200	Pelan 300
<b>Penjagaan Pesakit Luar</b>		
<b>5. Faedah Pra-Hospitalisasi</b> (dalam tempoh 90 hari sebelum Hospitalisasi) i. Ujian Diagnostik ii. Rundingan iii. Ubatan dan Rawatan	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>6. Faedah Rawatan Selepas Hospitalisasi</b> i. Ujian Diagnostik ii. Rundingan dengan Pakar iii. Ubatan dan Rawatan (termasuk Rawatan Fisioterapi, Kiropraktik dan Akupunktur)	Keadaan Tidak Serious	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada had tahunan (dalam tempoh 180 hari selepas hospitalisasi)
	Keadaan Serious	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada had tahunan (dalam tempoh 365 hari selepas hospitalisasi)
<b>7. Faedah Prosedur dan Surgeri Harian</b>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>8. Faedah Penjagaan Jururawat di Rumah</b> (setiap Pengasingan, sehingga maksimum 180 hari seumur hidup)	Sehingga RM3,000	Sehingga RM6,000
<b>9. Faedah Rawatan Penyakit Pesakit Luar</b> (untuk hospital dan klinik)	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>10. Faedah Fisioterapi Pesakit luar</b> (maksimum 8 sesi, dalam tempoh 60 hari selepas tarikh rujukan pakar) • Sakit belakang berkaitan tulang belakang • Patah tulang tertutup • Kecederaan ligament dan meniscus termasuk terseluh dan ketegangan	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>11. Faedah Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar dan Rawatan Kanser Pesakit Luar</b>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>12. Rawatan Kecemasan Pesakit Luar Akibat Kemalangan (termasuk Rawatan Gigi) dan 30 hari Rawatan Susulan</b>	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada Had Tahunan	
<b>Penjagaan Tambahan</b>		
<b>13. Sokongan Optik</b> • Kanta intraokular	Tidak Berkenaan	Sehingga RM7,000 seumur hidup
<b>14. Pemindahan atas sebab Perubatan dan Penghantaran Balik Kecemasan</b>	Sehingga USD 1 juta bagi setiap kejadian	

Faedah	Pelan 200	Pelan 300
<b>Health Wallet</b> (terpakai kepada perkara 15 hingga perkara 19)		
<b>No-Claim Bonus</b>	RM1,000	RM2,500
	Jumlah di atas akan dikreditkan ke dalam Health Wallet pada akhir setiap tahun sivil, dengan syarat tiada sebarang tuntutan dibuat bagi faedah di bawah perkara 1 hingga perkara 13 pada tahun sebelumnya dan caruman pelan adalah sehingga terkini, tertakluk kepada maksimum sebanyak 10 kali.	
<b>Bonus Panel Pilihan</b> (Boleh dituntut sekali sahaja bagi setiap tahun)	RM500	RM1,000
	Jumlah di atas akan dikreditkan ke dalam Health Wallet sekiranya tuntutan dibuat bagi faedah di bawah perkara 1 hingga perkara 13, apabila Orang Dilindungi menerima rawatan di Hospital Panel SMART, tertakluk kepada maksimum sebanyak 10 kali.	
 <b>Booster Health Wallet melalui AIA Vitality</b>	+5% (Emas)	+10% (Platinum)
	daripada Jumlah Keseluruhan Health Wallet pada setiap akhir tahun	
<b>Perlindungan di bawah Health Wallet</b>		
<b>15. Faedah Pencegahan dan Penjagaan Primer</b> i. Faedah Pencegahan • Pemeriksaan Kesihatan • Vaksinasi ii. Faedah Penjagaan Primer • Perundingan, rawatan dan ubat-ubatan di Panel Klinik AIA di Malaysia, atau melalui platform perkhidmatan kesihatan digital AIA	Tidak Berkenaan	Faedah Pencegahan: Sehingga RM1,000 setiap 2 tahun.
		Faedah Penjagaan Primer: Sehingga RM500 bagi setiap lawatan, tertakluk kepada maksimum 3 lawatan setahun.  Kedua-dua Faedah Pencegahan dan Faedah Penjagaan Primer adalah tertakluk kepada had gabungan sebanyak RM1,000 setiap 2 tahun, bergantung kepada baki amaun dalam Health Wallet.
<b>16. Faedah Penjagaan Khas</b> i. Keadaan Kongenital ii. Pembedahan Elektif/Plastik/Komestik akibat Kemalangan atau Kanser	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada baki amaun di dalam Health Wallet	
<b>17. Faedah Pemulihan dan Sokongan</b> i. Sokongan Pergerakan dan Pendengaran • Anggota Badan Palsu • Alat Bantuan Pendengaran ii. Penjagaan Pemulihan • Kanser • Strok • Serangan Jantung	Seperti yang dicaj, tertakluk kepada baki amaun di dalam Health Wallet	

Faedah	Pelan 200	Pelan 300
<b>18. Faedah Kesihatan Mental</b> Caruman Rundingan Ahli Psikiatri untuk keadaan-keadaan di bawah: i. Gangguan Depresi yang Teruk ii. Gangguan Obsesif Kompulsif iii. Skizofrenia iv. Gangguan Bipolar v. Sindrom Tourette vi. Depresi Pospartum	Sehingga RM1,500 bagi setiap tahun, tertakluk kepada baki amaun di dalam Health Wallet	
<b>19. Protect Boost</b>	Keseluruhan baki amaun di dalam Health Wallet akan dibayar: (a) untuk menampung baki kos perbelanjaan yang layak sekiranya had tahunan telah difaedahkan sepenuhnya, atau (b) sekiranya berlaku kematian Orang Dilindungi, tertakluk kepada maksimum sehingga 2 kali jumlah perlindungan asas, tanpa mengambil kira jumlah perlindungan asal atau sebarang perubahan atau pengurangan jumlah perlindungan akibat tuntutan.	
<b>20.  Bonus Persaraan Sihat melalui AIA Vitality</b> Pilihan untuk memindahkan amaun daripada Health Wallet ke Dana Akaun Peserta bagi meningkatkan nilai akaun apabila anda mencapai umur 60 tahun atau bermula dari tahun sivil ke 10, yang mana lebih kemudian.	Tidak Berkenaan	RM500 (Perak) RM800 (Emas) RM1,000 (Platinum) setahun

**Nota:**

- Semua amaun yang ditunjukkan di dalam Jadual Faedah adalah di dalam Ringgit Malaysia (RM) melainkan dinyatakan sebaliknya
- Faedah-faedah untuk perkara 1 hingga perkara 13 adalah tertakluk kepada Had Tahunan.
- Faedah-faedah untuk perkara 15 hingga perkara 20 adalah tertakluk kepada baki amaun di dalam Health Wallet dan tidak akan mengurangkan Had Tahunan.
- Semua faedah yang dibayar untuk rawatan perubatan di bawah pelan ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat.

**\*Terma dan Syarat untuk Pilihan Penjimatan Kos dan Ko-Takaful**

- Deduktibel RM500 dengan dan tanpa SMART dan Ko-Takaful tidak akan terpakai dalam keadaan tertentu seperti rawatan kecemasan termasuk kes kemalangan atau rawatan di Fasiliti Penjagaan Kesihatan Kerajaan.
- Bagi Pilihan Penjimatan Kos (b), Deduktibel RM500 serta 20% Ko Takaful bagi setiap tahun sivil, sehingga RM20,000, akan dikenakan sekiranya:
  - lawatan atau kemasukan ke Hospital SMART dibuat tanpa rujukan klinik dan/atau tanpa rundingan Pakar, kecuali bagi rawatan kecemasan; atau
  - rawatan diperoleh daripada pengamal perubatan atau penyedia bukan SMART.



## NASIHAT DAN SOKONGAN PERUBATAN BERTERUSAN DENGAN FAEDAH PMCM

Faedah Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM) akan memberi tumpuan dalam memastikan anda dapat menerima rawatan yang terbaik mungkin dan memberi sokongan peribadi secara berterusan sepanjang perjalanan perubatan anda, jika anda menghadapi keadaan perubatan yang serius. Faedah ini diuruskan oleh penyedia perkhidmatan kami, Teladoc Health, Inc. ("Teladoc").

**Teladoc**<sup>™</sup>  
HEALTH

Penyedia perkhidmatan kami akan melantik pasukan perubatan peribadi yang berdedikasi ("pasukan PMCM"), yang diketuai oleh Pengurus Kes Pakar Perubatan peribadi, untuk menilai semula dan menguruskan keadaan perubatan anda. Pasukan PMCM akan mengumpul dan mengkaji semula maklumat serta ujian perubatan anda yang sedia ada. Teladoc akan berunding dengan pakar-pakar terkemuka di seluruh dunia, daripada pelbagai aspek kepakaran, untuk mencapai diagnosis yang tepat.



Kemudian, pasukan PMCM akan berbincang tentang diagnosis tersebut dan mencadangkan rawatan yang sesuai (yang merangkumi penyelidikan perubatan, teknologi dan ujian klinikal yang terkini), bersama anda dan doktor yang merawat anda. Pasukan PMCM juga akan membantu menyatukan pendapat yang berbeza bersama-sama untuk menghasilkan keputusan yang terbaik, tanpa membiarkan anda keseorangan dalam membuat keputusan dan semasa memahami pelbagai pandangan.




Pasukan PMCM juga akan memantau perkembangan anda serta menyokong anda melalui perjalanan rawatan perubatan anda sehingga pemulihan.

# BAGAIMANAKAH PENGURUSAN KES PERUBATAN PERIBADI BERFUNGSI?

Penyedia perkhidmatan kami, Teladoc, akan melantik pasukan perubatan peribadi yang berdedikasi (“pasukan PMCM”), yang diketuai oleh Pengurus Kes Pakar Perubatan, untuk menilai semula dan menguruskan keadaan perubatan anda.

Pasukan PMCM akan mengumpul dan mengkaji semula maklumat serta ujian perubatan anda yang sedia ada. Pasukan PMCM juga akan berunding dengan pakar-pakar terkemuka di seluruh dunia, daripada pelbagai aspek kepakaran, untuk mencapai diagnosis yang tepat.



# BERKAT SAMA-SAMA

DENGAN  
AIA PENYALA HARAPAN



Berkat Sama Sama mencerminkan pendekatan AIA PUBLIC Takaful dalam memperluaskan nilai dan faedah takaful yang bukan sahaja melindungi diri dan keluarga, malah menyokong kesejahteraan komuniti.

Berpandukan semangat saling membantu, sumbangan Tabarru' serta inisiatif kebajikan seperti mendermakan lebih kepada Tabung Amal AIA Penyala Harapan, anda dan setiap peserta berpeluang menjadi sebahagian daripada perubahan yang lebih bermakna – mengubah perlindungan takaful menjadi satu sumber kebaikan bersama untuk semua.

Imbas kod QR untuk ketahui lebih lanjut.



## PENDEDAHAN AM

1. A-Plus Health360-i ialah rider pilihan yang boleh disertakan bersama pelan takaful keluarga caruman berkala, yang ditawarkan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd.
2. Jumlah faedah yang dibayar untuk rawatan perubatan di bawah pelan ini adalah tertakluk kepada had tahunan dan terma dan syarat.
3. Brosur ini bertujuan untuk memberikan ringkasan ciri utama produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk kepada Ilustrasi Produk dan Lembaran Pendedahan Produk untuk maklumat lanjut produk sebelum menyertai sijil Takaful dan rujuk terma dan syarat dalam sijil Takaful untuk butiran ciri dan faedah, pengecualian dan tempoh menunggu di bawah sijil Takaful.
4. Anda berhak mendapat pelepasan cukai individu apabila anda menyertai pelan ini, tertakluk kepada terma dan syarat Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).
5. Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
6. Tiada faedah akan dibayar daripada Dana Risiko Peserta selepas penamatan, tamat tempoh atau tempoh matang sijil Takaful.
7. Anda harus menentukan bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan terbaik dan bahawa caruman yang perlu dibayar di bawah sijil Takaful adalah amaun yang anda mampu.
8. Anda hendaklah memastikan bahawa maklumat penting berkaitan pelan ini telah didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat yang didedahkan tersebut. Sekiranya terdapat sebarang kekeliruan atau ketidakjelasan, anda hendaklah mendapatkan penjelasan daripada AIA PUBLIC Takaful.

**KLIK DI SINI** 

untuk melihat

Soalan-soalan Lazim dan Pendedahan

## Tentang AIA Public Takaful

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC Takaful) dimiliki bersama oleh AIA Bhd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC Takaful menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan penembusan Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC Takaful komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

(This page is intentionally left blank)  
(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

Having medical coverage is an essential part of protecting yourself and your loved ones, offering peace of mind and financial security when health challenges arise. At the same time, true protection begins with a healthy body and a balanced mind. By prioritising preventive care, healthy lifestyle habits, and mental well-being, many illnesses can be avoided before they start. When good health is your foundation and medical coverage is your safety net, you can live with greater confidence and peace of mind.

